

SOALAN NO: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2017

SOALAN : 22

YB Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah langkah proaktif Kementerian untuk memastikan masalah '*brain drain*' di kalangan doktor-doktor pakar dihentikan atau sekurang-kurangnya dikurangkan agar kekal berkhidmat dengan Kerajaan.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian sentiasa mengambil langkah proaktif untuk mengelakkan masalah '*brain drain*' di kalangan doktor-doktor pakar. Antara langkah yang telah dilaksanakan untuk memastikan doktor-doktor pakar supaya terus kekal berkhidmat di hospital Kerajaan ialah:

- i. Menambahbaik Bayaran Insentif Pakar daripada lingkungan RM1,400.00 hingga RM2,400.00 kepada lingkungan RM1,900 kepada RM3,100.00 mulai 1 Januari 2009. Peningkatannya adalah sebanyak RM500.00 hingga RM700.00.
- ii. Menambahbaik kadar bayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (*On-call*) (*EKLWBB*) (*Active Call*) (dengan izin) bagi Pegawai Perubatan Pakar iaitu RM230 pada hari bekerja dan RM250 pada hari cuti mingguan dan cuti am.
- iii. Memperkenalkan Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/ Pergigian (BIPP) kepada Pegawai Perubatan Pakar yang bertugas di fasiliti kesihatan di Sabah dan Sarawak berkuat kuasa 1 Julai 2016 dan Wilayah Persekutuan Labuan berkuat kuasa pada 1 April 2017. Kadar bayaran adalah dalam lingkungan RM500.00 hingga RM2,000.00 bagi kawasan bandar dan lingkungan RM1,000.00 hingga RM2,500.00 bagi kawasan luar bandar.
- iv. Membenarkan Pegawai Perubatan Pakar membuat lokum di hospital swasta tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.
- v. Pegawai Perubatan Pakar yang melakukan kes-kes Pembedahan pada hari cuti umum (Sabtu) untuk mengurangkan masa menunggu bagi kes-kes pembedahan elektif akan diberi Bayaran Insentif Khas (pembedahan elektif) pada kadar RM200 sejam.

- vi. Memperkenalkan *Full Paying Patient* (FPP) (dengan izin) di Hospital KKM sebagai sumber pendapatan tambahan kepada Pegawai Perubatan Pakar.
- vii. Kenaikan pangkat Pegawai Perubatan Pakar lebih cepat berdasarkan tempoh perkhidmatan di KKM (*time based promotion*) (dengan izin) mulai 9 Mac 2010. Bagi Pegawai Perubatan yang telah diwartakan sebagai pakar dan telah berkhidmat selama 9 tahun, mereka boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat terus ke Gred UD54.
- viii. Menambahbaik kaedah kenaikan pangkat Pegawai Perubatan Pakar dengan memperkenalkan gred lapisan Pakar Perubatan UD56 mulai 1 Januari 2017.
- ix. Memberi peluang kepada Pegawai Perubatan Pakar melanjutkan pelajaran dalam bidang sub kepakaran.
- x. Peluang latihan di luar negara bagi kursus jangka pendek.